

KONSEP KEBAHAGIAAN UMMAH MELALUI PEMAHAMAN HAKIKAT PERAYAAN MENURUT SASTERAWAN ISLAM MUŞTAFĀ ŞĀDIQ AL-RĀFI'Y**THE CONCEPT OF UMMAH'S HAPPINESS THROUGH UNDERSTANDING THE REALITY OF FEASTS ACCORDING TO ISLAMIC WRITER MUŞTAFĀ ŞĀDIQ AL-RĀFI'Y**

Wan Moharani bin Mohammad¹, Nurhasma binti Muhamad Saad², Muhammad Marwan bin Ismail³, Sulaiman bin Ismail⁴, Zulkipli bin Md. Isa⁵

¹Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia, moharani@usim.edu.my.

²Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia, nurhasma@usim.edu.my.

³Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia, marwanismail@usim.edu.my.

⁴Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia, sulaiman.i@usim.edu.my.

⁵Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia, zulkipli@usim.edu.my.

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 1 Jun 2022

Selepas Pembetulan: 1 Ogos 2022

Diterima untuk terbit: 20 Ogos 2022

Abstrak

Konsep kebahagiaan dalam tamadun sesuatu Ummah dapat dilihat dalam pelbagai perspektif dan dimensi. Pemahaman yang jelas dan tepat berkenaan konsep ini diperlukan oleh sesebuah negara untuk mencapai kemajuan yang menyeluruh sama ada dari aspek rohani mahupun fizikal. Idea berkaitan konsep ini pula dilihat mendapat perhatian pelbagai golongan masyarakat antaranya para sasterawan. Antara tokoh sasterawan Islam terkemuka dalam bahasa Arab ialah Muştafa Şadiq al-Rafi`y. Objektif artikel ini ialah mengkaji idea dan pemikiran Muştafa Şadiq al-Rafi`y berkaitan konsep kebahagiaan melalui pemahaman terhadap hakikat perayaan yang diutarakan oleh beliau. Daripada aspek metodologi, artikel ini berteraskan kajian kepustakaan serta analisis deskriptif yang bersumberkan makalah penulisan Muştafa Şadiq al-Rafi`y dalam karyanya *Wahyu al-Qalam*. Analisis dijalankan terhadap aspek sintaksis, leksikal serta retorik karya tersebut. Analisis ini dilakukan untuk memahami konsep tersebut serta mengenalpasti tema-tema yang berkaitan. Kajian ini mendapati bahawa tokoh tersebut berjaya mengetengahkan pemikiran beliau berkaitan konsep ini menerusi kepelbagaian struktur ayat yang mempunyai kekuatan khususnya dari aspek retorik serta sintaksis itu sendiri. Pemahaman terhadap pemikiran sasterawan ini merupakan satu nilai tambah dalam usaha mewujudkan kebahagiaan dalam ummah.

Kata kunci

Konsep Kebahagiaan, Ummah, Hakikat Perayaan, Sasterawan Islam, Muṣṭafā Ṣādiq Al-Rāfi`iy

Abstract

*The concept of happiness in the civilization of an Ummah can be seen in various perspectives and dimensions. A clear and accurate understanding of this concept is needed by a country to achieve a comprehensive progress both spiritually and physically. The idea of this concept have received the attention of various groups of society including literary figures. Among the Islamic literary figures in Arabic language is Muṣṭafā Ṣādiq al-Rāfi`iy. The objective of this article is to examine the ideas and thoughts of Muṣṭafā Ṣādiq al-Rāfi`iy related to the concept of happiness through the understanding of the reality of the feasts presented by him. From the methodological aspect, this article is based on a library study and a descriptive analysis of an article by Muṣṭafā Ṣādiq al-Rāfi`iy in his work *Waḥyu al-Qalam*. The analysis is carried out on the syntactic, lexical and rhetorical aspects of the work. This analysis is performed to understand the concept as well as to identify the relevant themes. This study found that the figure managed to highlight his thoughts related to this concept through the variety of sentence structures that have particular strength in terms of rhetoric and syntax itself. The understanding of this figure's thinking is considered as an added value in the effort to create happiness in Ummah.*

Keywords

The Concept Of Happiness, Ummah, The Reality Of Feast, Islamic Literary Figure, Muṣṭafā Ṣādiq Al-Rāfi`iy

1.0 Pendahuluan

Muṣṭafā Ṣādiq al-Rāfi`iy merupakan salah seorang sasterawan Arab zaman moden abad kedua puluh yang terkemuka. Beliau banyak menulis karya sastera berkaitan prosa Arab. Beliau dianggap sebagai seorang penulis yang mempunyai kekuatan dari aspek balaghah. Ini dibantu oleh cara beliau dibesarkan yang mana beliau menghafaz al-Qur'an sejak kecil dan mempunyai ilmu pengetahuan yang baik berkaitan hadis (Muhammad Rajab 1998, Wan Moharani 2021). Beliau banyak menulis perkara yang berkaitan dengan kemaslahatan Ummah dalam pelbagai karyanya. Salah satu karyanya yang terkemuka ialah kitab *Waḥyu al-Qalam* yang mengandungi pelbagai makalah antaranya yang berkaitan dengan kehidupan dan kebahagiaan Ummah.

Kebahagiaan daripada segi bahasa membawa maksud “kebahagiaan perasaan bahagia, kesenangan hidup, kemujuran, keberuntungan” (Kamus Dewan Edisi Keempat 2007). Padanannya dalam bahasa Arab antara lainnya ialah perkataan السعادة (*al-*

sa`ādah) yang membawa maksud “kebahagiaan” (Qamus Besar Arab Melayu Diwan 2015).

Kebahagiaan dalam Islam meliputi kebahagiaan di dunia dan juga di akhirat. Al-Qur’an al-Karim dan Sunnah Nabi merupakan garis panduan bagi umat Islam dalam melalui kehidupan di dunia yang bersifat sementara ini, dalam perjalanan menuju ke alam Akhirat yang kekal abadi. Justeru umat Islam perlu berpegang dengan al-Qur’an dan Sunnah dalam menjalani kehidupan ini bagi menjamin kebaikan di dunia dan akhirat. Pemerolehan kebaikan di dunia dan akhirat ini pulalah yang sebenarnya menjamin kebahagiaan hakiki. Dengan berpegang kepada ajaran al-Qur’an dan Sunnah, kita dengan perasaan redha dan berlapang dada, akan dapat mengharungi kehidupan dunia ini yang penuh dengan permasalahan serta dugaannya sama ada ujian pada waktu senang mahupun semasa susah. Hati yang redha sentiasa merasa tenang dalam apa jua keadaan, seterusnya mengundang kebahagiaan dalam kehidupan yang diberkati Allah, dalam kedudukan kita sebagai hambaNya. Pada masa yang sama, kita juga merupakan khalifah di muka bumi ini yang mempunyai tanggungjawab yang perlu ditunaikan dengan betul mengikut panduan al-Qur’an dan Sunnah. Antara ayat al-Qur’an yang berkaitan dengan kebahagiaan di dunia dan akhirat ialah:

أَلَا إِنَّ أَوْلِيَاءَ اللَّهِ لَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ (62) الَّذِينَ آمَنُوا وَكَانُوا يَتَّقُونَ (63)
(64) أَلَهُمُ الْبُشْرَى فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْأَجْرَةِ لَا تَبْدِيلَ لِكَلِمَاتِ اللَّهِ ذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

Surah Yūnus (10):62-64

yang bermaksud:

“Ketahuilah! Sesungguhnya wali-wali Allah, tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak berdukacita. (Wali-wali Allah itu ialah) orang-orang yang beriman serta mereka pula sentiasa bertaqwa. Untuk mereka sahajalah kebahagiaan yang mengembirakan di dunia dan di akhirat; tidak ada (sebarang) perubahan pada janji-janji Allah; yang demikian itulah kejayaan yang besar” (Sheikh Abdullah Basmeih 2001).

Islam menetapkan Idil Fitri dan Idil Adha sebagai hari perayaan bagi Umat Islam yang disambut dengan penuh gembira dan ceria dalam kerangka ibadah yang telah ditetapkan. Kedua-dua perayaan ini mempunyai pengertiannya yang mendalam kepada Umat Islam. Perayaan ini bukan hanya disambut kerana jatuhnya ia pada hari tertentu sahaja tanpa sebarang makna bahkan ia memiliki pengertian dan maknanya, baik kepada individu mahupun Ummah. Muṣṭafā Ṣādiq al-Rāfi`iy dalam salah satu makalahnya bertajuk المعنى السياسي في العيد membahasakan makna dan pengertian perayaan dalam konteks makna perayaan berkaitan Ummah (Muṣṭafā Ṣādiq al-Rāfi`iy 2014)

2.0 Metodologi

Artikel ini berdasarkan kajian tekstual bagi memahami konsep kebahagiaan melalui pemahaman pengertian makna perayaan. Ini dijalankan melalui analisis dokumen iaitu analisis makalah المعنى السياسي في العيد (*Al-Ma`nā Al-Siyāsī Fī Al-`īd*) daripada kitab وحي القلم (*Waḥyu al-Qalam*). Pengumpulan data daripada bahan-bahan perpustakaan digunakan dalam kajian ini. Kajian kualitatif ini turut menggunakan kaedah induktif untuk menjelaskan pengertian perayaan menurut Muṣṭafā Ṣādiq al-Rāfi`y. Beberapa idea utama tentang perayaan dalam makalah tersebut yang didapati boleh dikaitkan dengan konsep kebahagiaan, dikeluarkan dan dibincangkan. Ini dilakukan dengan mengeluarkan beberapa perkataan, frasa serta ayat berkaitan yang dijadikan sampel untuk dianalisa daripada aspek sintak, morfologi, semantik dan retorik. Dalam analisa, kajian ini memanfaatkan pandangan dan kajian serta penulisan terdahulu oleh ulamak serta tokoh bahasa Arab berkaitan bidang tersebut antaranya Ṣibawayh, al-Jurjānīy, al-Azharīy, al-Rājīhī dan Fādīl Ṣāliḥ al-Sāmīrā`y. Selain itu, teknik berkaitan analisis wacana turut dimanfaatkan. Beberapa ciri wacana atau teks ini yang baik seperti berkesinambungan, berketujuan dan kebolehterimaan dibincangkan (lihat Idris Aman 2022).

3.0 Hasil Dapatan dan Perbincangan

Sasterawan ini memulakan perbincangan beliau dengan mengajak pembaca untuk memahami erti perayaan yang sebenar. Didapati pengarang menggunakan ragam ayat *ta`ajub* bagi menarik perhatian pembaca akan kepentingan perkara yang ingin disampaikan. Ayat *ta`ajub* tersebut ialah (ما أشد حاجتنا نحن المسلمين إلى أن نفهم أعيادنا فهمًا جديدًا) yang bermaksud “alangkah besarnya hajat kita sebagai muslimin untuk memahami perayaan kita dengan pemahaman yang baru”. Unsur *ta`ajub* ini adalah dalam bentuk sighth *ما أفعل* yang merupakan salah satu kaedah bagi membentuk ayat *ta`ajub*. Ayat *ta`ajub* dianggap penting kerana ia merupakan antara gaya bahasa yang banyak digunakan dalam bahasa Arab (Al-Rājīhī 2000). Frasa kata أياما سعيدة عاملة “hari-hari bahagia yang berfungsi” yang digunakan dalam makalah ini dapat memberikan satu kefahaman bahawa konsep kebahagiaan itu dapat dikecapi menerusi hari-hari Raya yang berfungsi memainkan peranan yang efektif dan tidak terpisah daripada pengertian makna yang terkandung padanya. Di sini, dapat dilihat jelas bahawa teks ini memiliki tujuan.

Penggunaan perkataan أعياد “perayaan-perayaan” tanpa diterangkan apakah hari Raya yang dimaksudkan memperlihatkan ciri kesinambungan teks ini dengan pengetahuan lepas yang dikongsi bersama dengan pembaca iaitu pengetahuan tentang hari Raya Idul Fitri dan Idul Adha. Daripada sudut leksikal pula, أعياد merupakan kata nama jamak bagi عيد *īd* yang membawa maksud perayaan. Kata kerja asal bagi عيد ialah عاديعود (عاديعود) yang membawa maksud pulang (Qamus Besar Arab Melayu Diwan 2015). Tokoh bahasa Arab iaitu Ibn al-`Arabīy menyatakan bahawa perayaan itu diistilahkan sebagai عيد dalam bahasa Arab adalah kerana ia kembali setiap tahun dengan kegembiraan yang diperbaharui “سمي العيد عيداً لأنه يعود كل سنة بفرح مجدد” (al-Azharīy 2001).

Walaupun teks ini membicarakan sesuatu yang bersifat idealis dan abstrak, namun didapati kebolehterimaan idea yang diutarakan dalam teks ini adalah baik kerana

terdapat banyak keterangan berkaitan hakikat pengertian perayaan, huraian serta contoh-contoh. Tambahan pula, ada digarapkan contoh perkataan berbentuk fizikal yang mudah dicapai oleh akal serta panca indera seperti penggunaan frasa تجديد الثياب "memperbaharui pakaian" serta زيادة ابتسامه على النفاق "menambah senyuman palsu". Kedua-dua frasa ini dikaitkan dengan realiti sambutan perayaan zaman moden ini.

Selain itu, penulis dilihat menggunakan banyak perkataan-perkataan yang dari segi leksikalnya mengandungi makna nilai murni. Antara perkataan yang jelas mengandungi makna nilai murni ialah روح الجوار (semangat kejiranan/keakraban), المحبة (mahabbah), روح الأسرة (semangat kekeluargaan), الإخاء (persaudaraan) dan الإخلاص (keikhlasan). Satu perkara yang menarik di sini ialah apabila penulis memperumpamakan hari raya itu seperti ruh satu keluarga dalam Ummah keseluruhannya "كأنما العيد هو إطلاق روح الأسرة الواحدة" "في الأمة كلها".

Penggunaan gandingan perkataan berlawanan makna yang menjelaskan lagi maksud yang ingin disampaikan juga dapat dilihat dalam makalah ini. Sebagai contohnya الكبار (Orang dewasa dan kanak-kanak) dan والصغار (menggugur/tidak berfungsi, bekerja/berfungsi). Penggunaan gandingan perkataan seerti turut dapat dilihat. Contohnya dua perkataan الفرح والبهجة yang membawa maksud kegembiraan .

Unsur personifikasi juga dapat dilihat dalam frasa حركة الزمان (pergerakan masa) dan يتسم الدراهم (Dirham-dirham tersenyum). Di sini masa diberikan sifat seperti manusia iaitu 'pergerakan' manakala dirham-dirham diberikan sifat 'tersenyum'. Penggunaan frasa yang indah sebegini dapat menarik perhatian dan mengundang minat pembaca.

Makalah ini juga merupakan satu makalah yang bermaklumat kerana ia membawa maklumat serta penghujahan yang baru dalam idea yang ingin diutarakan berkaitan pengertian sebenar perayaan. Pengarang dalam menyampaikan maksud tersebut seringkali dilihat menggunakan maklumat dalam bentuk ayat-ayat perbandingan yang mengajak pembaca untuk berfikir. Sebagai contohnya:

1. وكان العيد في الإسلام هو عيد الفكرة العابدة، فأصبح عيد الفكرة العابثة؛
2. وكانت عبادة الفكرة جمعها الأمة في إرادة واحدة على حقيقة عملية، فأصبح عبث الفكرة جمعها الأمة على تقليد بغير حقيقة.

Yang bermaksud:

"Adapun perayaan dalam Islam, ia merupakan satu perayaan bagi pemikiran mengabdikan diri (ibadah), akan tetapi telah menjadi perayaan bagi pemikiran yang sia-sia."

"Adapun ia juga merupakan ibadat yakni pemikiran yang mengumpulkan Ummah dalam satu tujuan di atas hakikat berbentuk praktikal, namun ia telah menjadi pemikiran yang sia-sia yang mengumpulkan Ummah di atas taqlid yakni ikutan tanpa suatu hakikat."

Di sini dapat dilihat dengan jelas, penulis memperlihatkan unsur perbandingan antara erti dan praktis perayaan yang sepatutnya dalam Islam, dengan realiti perayaan yang berlaku. Satu perkara yang menarik di sini ialah kemampuan penulis untuk menyelitkan

unsur persamaan rima akhir yang membawa kelembutan bunyi dalam percakapan atau penghujahan beliau yang serius. Ini dapat dilihat antara lainnya pada frasa الفكرة العابدة (*al-fikrah al-`ābidah*), الفكرة العابثة (*al-fikrah al-`ābithah*) dan حقيقة عملية (*ḥaqīqah `amaliyyah*).

Dapat dilihat juga rumus struktur sintak yang menggabungkan penggunaan dua jenis ayat bagi tujuan perbandingan. Ayat pertama menggunakan partikel كان (*kāna*) dan satu lagi ayat menggunakan partikel أصبح (*asbaḥa*) bagi tujuan perbandingan perihal keadaan masa lampau dan realiti yang telah berlaku sekarang (perubahan). Ini dapat dilihat dalam ayat berikut:

1. كان العيد في الإسلام هو عيد الفكرة العابدة، فأصبح عيد الفكرة العابثة.
2. كانت عبادة الفكرة جمعها الأمة في إرادة واحدة على حقيقة عملية، فأصبح عبث الفكرة جمعها الأمة على تقليد بغير حقيقة.

Struktur ini dapat diringkaskan seperti berikut:

Ayat menggunakan partikel كان + ayat menggunakan partikel أصبح

Dengan lebih terperinci rumus ini dapat dikembangkan kepada:

Ayat pertama (Partikel كان + Ism كان + Khabar كان) + partikel الفاء + Ayat kedua (Partikel أصبح + Ism أصبح + khabar أصبح)

Penulis turut menegaskan bahawa perayaan itu sebenarnya berkaitan dengan makna dan pengertian pada hari tersebut dan bukannya semata-mata hari itu sahaja. Unsur penegasan ini dapat dilihat dalam ayat "فالعيد إنما هو المعنى الذي يكون في اليوم لا اليوم نفسه" yang merupakan ayat *Al-Qaṣr* القصر menggunakan partikel إنما. Tata cara *al-Qaṣr* sebegini merupakan salah satu cara membentuk ayat *al-Qaṣr* (al-Jurjānīy 2001, Abdul Wahid Salleh 2021). Selain itu di sini, unsur penegasan juga dapat dilihat menerusi penggunaan perkataan نفس yang merupakan *taukīd ma`nawī* dalam konteks ini iaitu pada frasa اليوم نفسه. *Taukīd ma`nawī* merupakan salah satu kaedah penegasan yang menggunakan lafaz-lafaz tertentu dalam bahasa Arab, ia berbeza dengan *taukīd lafzī* yang secara umumnya berteraskan pengulangan perkataan atau ayat sama (lihat al-Sāmīrā`īy 2000, Sībawayh 1988).

Dengan menggunakan rumus yang sama, pengarang juga menyatakan satu lagi perbezaan antara makna pengertian dan praktis perayaan yang sepatutnya dalam Islam, dengan realiti perayaan yang berlaku. Penulis menyatakan bahawa sepatutnya pada hari Raya, Ummah mengisbatkan kewujudannya dari aspek rohani dalam pengertian yang paling indah, namun ia dikatakan telah menjadi pengisbatan kewujudannya yang berbentuk 'kehaiwanan' lebih daripada makna perayaan yang lainnya. Sesungguhnya kemajuan dari aspek rohani dan fizikal itu perlu bergerak seiring bagi menjamin ketenangan dalam kehidupan.

Selain itu, pengarang juga didapati menggunakan satu lagi rumus penggunaan dua jenis ayat bagi tujuan perbandingan. Satu ayat menggunakan partikel كان dan satu lagi menggunakan ayat verbal yang dimulai dengan عاد dan رجع bagi tujuan perbandingan

perihal keadaan masa lampau dan realiti yang telah berlaku sekarang (unsur perubahan). Ini dapat dilihat dalam ayat berikut:

1. وكان يوم استرواح من جدّها، فعاد يوم استراحة الضعف من دّلّه؛
2. وكان يوم المبدأ، فرجع يوم المادة!

Struktur ini dapat diringkaskan seperti berikut:

Ayat menggunakan partikel كان + ayat verbal dimulakan dengan عاد atau رجع

Dengan lebih terperinci rumus ini dapat dikembangkan kepada:

Ayat pertama (Partikel كان + Ism كان+ Khabar (كان)+ partikel الفاء + Ayat kedua berbentuk verbal dimulakan dengan عاد atau رجع

Di sini pengarang menyatakan bahawa hari raya sepatutnya menjadi hari kerehatan Ummah selepas ia bertungkus lumus, tetapi telah bertukar menjadi hari 'kerehatan' bagi kelemahan hasil kehinaan. Ia sepatutnya menjadi hari bagi prinsip tetapi telah menjadi hari berbentuk material. Masyarakat yang tidak mempunyai prinsip dan bertuhankan material tidak mungkin mencapai kebahagiaan yang hakiki mahupun kemuliaan.

Setelah menceritakan sedikit latar belakang berkenaan apa yang berlaku pada Ummah dalam menyambut perayaan, maka didapati pengarang mula membawa pandangan beliau berkenaan pengertian perayaan yang sebenar.

Di sini pengarang didapati menggunakan banyak ayat yang mengandungi unsur penegasan berbentuk ayat *al-Qaṣr*. Ayat *al-Qaṣr* di sini menggunakan partikel النفي (*al-nafy*) serta partikel الاستثناء (*al-istisnā*). Tata cara *al-Qaṣr* sebegini yang menggunakan *al-nafy dan al-istisnā* merupakan salah satu cara membentuk ayat *al-Qaṣr* (al-Jurjānī 2001, Abdul Wahid Salleh 2021). Ini dapat dilihat dalam ayat-ayat berikut:

1. ليس العيد إلا إشعار هذه الأمة بأن فيها قوة تغيير الأيام..
2. وليس العيد للأمة إلا يومًا تُعرض فيه جمال نظامها الاجتماعي..
3. وليس العيد إلا تعليم الأمة كيف تتسع روح الجوار وتمتد..
4. وليس العيد إلا إظهار الذاتية الجميلة للشعب..
5. وليس العيد إلا إبراز الكتلة الاجتماعية للأمة متميزة بطابعها الشعبي، مفصولة من الأجانب..
6. وليس العيد إلا النقاء الكبار والصغار في معنى الفرح بالحياة الناجحة المتقدمة في طريقها..
7. وليس العيد إلا تعليم الأمة كيف توجّه بقوتها حركة الزمن إلى معنى واحد كلما شاءت..

Struktur ini dapat diringkaskan seperti berikut:

Ayat menggunakan partikel ليس bersama partikel إلا

Dengan lebih terperinci rumus ini dapat dikembangkan kepada:

Partikel المقصور عليه + partikel المقصور + (membawa makna nafi) ليس

Struktur ayat sebegini memberi makna penegasan yang cukup kuat dan digunakan oleh penulis untuk menyampaikan hakikat pengertian makna perayaan.

Perayaan daripada segi hakikatnya memberikan kekuatan kepada Ummah untuk merubah hari-hari yang biasa yang mungkin telah lari daripada sifat Ummah yang sepatutnya. Ini dapat dilihat dalam penegasan beliau “bukanlah perayaan tersebut melainkan suatu pemberitahuan kepada Ummah ini bahawa pada mereka terdapat kekuatan untuk mengubah hari-hari”. Pada era globalisasi ini kita dapat lihat terlalu banyak cabaran harian yang berkeupayaan untuk mengganggu gugat keharmonian Ummah. Kita perlu menyedari bahawa kita sebenarnya memiliki kekuatan untuk mengubah hari-hari sebegini agar kita dapat meneruskan usaha untuk menjadi Ummah mithali. Ummah tidak harus tunduk dengan cabaran hari yang mendatang, sebaliknya mesti berusaha mengatasi cabaran-cabaran masa kini dengan kekuatan yang ada berlandaskan iman yang jitu dan keyakinan pada yang Esa. Ummah yang sedar akan kekuatan yang ada akan dapat berusaha secara praktisnya untuk mencapai kebahagiaan di dunia mahupun di akhirat. Masyarakat yang lemah pula akan mudah dikalahkan dan sentiasa dibelenggu kesedihan dan kehinaan. Zahiratun & Abd Mukti (2018) menyatakan bahawa “As-sa’adah adalah sesuatu yang perlu dicari dan diburu oleh manusia”. Dengan kata lain, usaha bagi mencapai kebahagiaan perlu digerakkan dan bukannya hanya berdiam diri sahaja menyerah tanpa usaha.

Perayaan juga mampu memperlihatkan kecantikan sistem kemasyarakatan Ummah. Penegasan hakikat ini jelas kelihatan dalam kata-kata beliau “bukanlah perayaan tersebut melainkan ia merupakan suatu hari yang terzahir padanya keindahan sistem kemasyarakatan bagi Ummah”.

Perayaan juga mengajar Ummah aspek praktikal ruh keakraban. Penegasan ini dapat dilihat dalam perbicaraan beliau berkaitan pengertian perayaan “bukanlah perayaan melainkan ia mendidik Ummah bagaimana ruh kejiranan atau keakraban itu meluas melebarkan sayapnya”. Ruh keakraban yang dipraktikkan dalam kalangan Ummah ini mampu mewujudkan pelbagai ketenangan dan keselamatan serta jaminan hidup bermasyarakat yang baik. Ketenangan dan keselamatan sebegini penting dalam memupuk kebahagiaan Ummah secara berkelompok dan bukannya kebahagiaan individu semata-mata.

Turut ditegaskan ialah pada perayaan itu ada unsur menzahirkan identiti yang indah bagi sesuatu bangsa. Ini dapat dilihat dalam kata-kata beliau “bukanlah perayaan tersebut melainkan ia menzahirkan jatidiri yang indah bagi bangsa”. Identiti Ummah yang indah merupakan satu unsur penting dalam menzahirkan Ummah yang tidak goyah oleh ancaman luaran. Ummah yang gagah jati dirinya dilihat akan dapat mempertahankan kebahagiaan yang telah dibina bersama dan akan merasa nyaman dengan keindahan jatidiri yang ada.

Penulis turut menegaskan bahawa dengan perayaan sesuatu Ummah itu akan dapat memperlihatkan identiti kemasyarakatannya yang mempunyai ciri-ciri bangsa yang tersendiri yang sama sekali tidak dipengaruhi oleh unsur-unsur luar. Ini dapat dilihat dalam kata-kata beliau “bukanlah perayaan melainkan ia menzahirkan satu himpunan

kemasyarakatan bagi Ummah yang mempunyai ciri-ciri bangsanya yang istimewa dan terpisah dari orang luar". Kita yakin bahawa Ummah yang berkongsi ciri-ciri yang sama dan istimewa dapat membantu mewujudkan hubungan yang kukuh dalam satu ruh perpaduan Ummah. Perpaduan ini pula penting dalam usaha mewujudkan kebahagiaan yang dikongsi bersama.

Perayaan juga mempunyai pengertian yang luas mencakupi golongan dewasa serta kanak-kanak yang berkongsi makna kegembiraan bersama-sama dalam menjalani kehidupan yang berjaya dan terkehadapan. Penegasan ini dapat dilihat dalam kata-kata beliau "bukanlah perayaan tersebut melainkan ia merupakan pertemuan antara orang dewasa dan kanak-kanak dalam makna kegembiraan terhadap kehidupan yang berjaya dan terkehadapan". Kegembiraan yang dikongsi bersama antara dua golongan ini yakni dewasa dan kanak-kanak dirasakan mampu membuahkan hasil kebahagiaan dan melahirkan persefahaman antara generasi dalam Ummah. Kegembiraan dan kemesraan sebegini adalah penting dalam mewujudkan hubungan yang harmoni dalam pembinaan keluarga yang ditekankan oleh Islam. Md. Ali (2018) menyatakan bahawa "antara aspek yang sangat dititikberatkan dalam Islam adalah institusi kekeluargaan atau pembinaan keluarga Muslim".

Perayaan juga dilihat mampu mendidik Ummah bagaimana menghadapi peredaran zaman dengan kekuatan yang ada pada Ummah. Penegasan ini dilihat pada kata-kata beliau "bukanlah perayaan tersebut melainkan ia mendidik Ummah bagaimana ia harus menghadapi peredaran zaman dengan kekuatan yang ada padanya". Ummah yang mempunyai kekuatan menghadapi peredaran zaman antara lainnya akan mudah bersifat tenang dan berlapang dada khususnya ketika dilanda cabaran. Zahiratun & Abd Mukti (2018) menyatakan bahawa "Orang yang hatinya bahagia, tidak akan gembira yang melampau ketika meraikannya, manakala ketika sedih hatinya tenang mengawal diri supaya tidak bertindak melampaui batasan agama." Ketenangan Ummah dalam keadaan sebegini diyakini dapat menjamin kebahagiaan dalam hidup di dunia ini dalam apa jua keadaan.

Kesemua unsur hakikat pengertian perayaan tersebut yang dilontarkan oleh penulis dalam bentuk penegasan dilihat mempunyai kekuatan dalam mendatangkan kebahagiaan dalam Ummah. Kuasa merubah hari-hari biasa, kecantikan sistem kemasyarakatan, aspek praktikal ruh keakraban, penzahiran identiti Ummah yang indah, identiti kemasyarakatannya yang tersendiri, hubungan kegembiraan antara golongan dewasa dan kanak-kanak serta kekuatan mendidik Ummah dalam mengharungi peredaran zaman yang mencabar, kesemuanya merupakan antara unsur yang mampu memberikan kebahagiaan kepada Ummah keseluruhannya. Kesemua ini mempunyai kaitan yang rapat dengan nilai-nilai murni yang perlu diterapkan dalam Ummah. Unsur hakikat pengertian perayaan ini dapat dilihat dengan lebih mudah dalam rajah berikut:


Makna Dan Pengertian Yang Terkandung Dalam Perayaan

Kuasa Merubah Hari-hari Biasa	Kecantikan Sistem Kemasyarakatan	Aspek Praktikal Ruh Keakraban	Penzahiran Identiti Ummah Yang Indah	Identiti Ummah yang tersendiri	Hubungan Kegembiraan Antara Golongan Dewasa Dan Kanak-kanak	Kekuatan mendidik Ummah Dalam Mengharungi Peredaran Zaman Yang Mencabar
-------------------------------	----------------------------------	-------------------------------	--------------------------------------	--------------------------------	---	---

Rajah 1: Pengertian yang terkandung dalam Perayaan dalam konteks Ummah

Pada akhirnya, dilihat bahawa penulis membuat kesimpulan dan menegaskan pandangannya iaitu itulah hakikat makna pengertian perayaan dalam Islam yang perlu difahami dan dipraktikkan agar ahli atau umat setiap zaman dapat melepaskan diri dari belenggu zaman mereka ke arah menjadi Ummah yang produktif dan berusaha mencapai impian serta menunaikan keperluannya. Kita berharap agar Ummah yang produktif yang dapat mencapai impian dan tercapai keperluannya, dengan izin dan keberkatan dari Allah akan dapat memperolehi kebahagiaan dalam kehidupan bermasyarakat.

Penulis dalam makalah ini dilihat berjaya menyampaikan fikrahnya berkaitan makna perayaan dengan kesinambungan struktur idea yang disampaikan. Ini dapat dilihat menerusi rajah berikut:



Rajah 2: Kesinambungan perkembangan struktur idea dalam makalah

4.0 Penutup

Kesimpulannya, didapati Muṣṭafā Ṣādiq al-Rāfi'iy dilihat berjaya mengutarakan pandangan beliau tentang hakikat makna dan pengertian perayaan yang dilihat mempunyai kaitan rapat dengan konsep kebahagiaan khususnya dalam Ummah. Pandangan ini dilihat melalui makalahnya yang memiliki tujuan yang tersendiri, mempunyai kesinambungannya dengan maklumat lepas, bercirikan kebolehterimaan idea dan bermaklumat. Pengertian makna perayaan disampaikan dengan baik dan berkesan menerusi struktur ayat yang menggunakan rumus-rumus tertentu yang dibina daripada perkataan-perkataan yang sesuai dari segi leksikalnya. Unsur-unsur retorik Arab juga jelas kelihatan khususnya daripada aspek retorik penegasan yang ingin disampaikan. Perkataan عيد *īd* daripada segi leksikalnya membawa maksud perayaan tetapi dalam konteks makalah ini, ia membawa maksud dua perayaan dalam Islam iaitu Idil Fitri dan Idil Adha yang mempunyai makna dan hakikatnya yang tersendiri dalam konteks Ummah. Makna tersebut berkaitan dengan idea kuasa merubah hari-hari biasa, kecantikan sistem kemasyarakatan, aspek praktikal ruh keakraban, penzahiran identiti Ummah yang indah, identiti Ummah yang tersendiri, hubungan kegembiraan antara golongan dewasa dan kanak-kanak serta kekuatan mendidik Ummah dalam mengharungi peredaran zaman yang mencabar. Kesemuanya dilihat merupakan antara unsur yang mampu memberikan kebahagiaan kepada Ummah keseluruhannya. Semoga kita mampu menjadi Ummah yang produktif dan berusaha mencapai impian serta menunaikan keperluannya. Diharapkan agar Ummah produktif yang dapat mencapai impian dan tercapai keperluannya akan dapat memperolehi kebahagiaan dalam kehidupan bermasyarakat yang diberkati Allah.

Rujukan

Al-Qur'an al-Karim.

Al-Azharīy, Abū Mansūr Muḥammad ibn Aḥmad. (2001). *Tahzīb al-Lughah*. Beirut: Dār Ihyā' Turāth `Arabīy.

Abdul Wahid Salleh, Che Mohd Zaid Yusof, Ahmad Mubarak Ab Razak, Zawawi Ismail & Wan Ismail Wan Abdullah. (2021). *Al-Balaghah al-Kafiyah Ilmu Balaghah Lengkap*. Bangi: Darul Syakir.

Idris Aman. (2022). *Analisis Wacana*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Al-Jurjānīy, `Abd al-Qāhir. (2001). *Dalā'il al-l'jāz fi `ilm al-Ma`āniy*. Beirut: Dār al-Kutub.

Kamus Dewan. (2007). Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Md. Ali, A. W. (2018). *Konsep Kesejahteraan Keluarga Menurut Hadis Al-Sa'Adah*. Asian People Journal (APJ), 1(2), 92-108. Retrieved from <https://journal.unisza.edu.my/apj/index.php/apj/article/view/2>

Muhammad Rajab. (1998). *Muṣṭafā Ṣādiq al-Rāfi'iy Fāris al-Qalam tahta Rāyah al-Qur'an*. Dimashq: Dār al-Qalam.

Muṣṭafā Ṣādiq al-Rāfi'iy. (2014). *Waḥyu al-Qalam*. Al-Qāhirah: Mu'assah Hindawī li Ta`lim wa Thaqāfah.

Qamus Besar Arab Melayu Diwan. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

al-Rājiḥī, Abduh. (2000). *Al-Naḥw al-Tatbīqīy*. Al-Iskandāriyah: Dār al-Ma`rifah al-Jāmi`iyyah.

al-Sāmīrā'iy, Fādil Ṣālih. (2000). *Ma`aniy al-Naḥw*. Ammān: Dār al-Fikr.

Sheikh Abdullah Basmeih. (2001). *Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*. Cetakan kedua belas. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

Sībawayh, Amrū ibn `Uthmān. (1988). *al-Kitāb*. Al-Qāhirah: Maktabah al-Khanji.

Wan Moharani bin Mohammad, Zulkipli bin Md. Isa, Nurhasma Muhamad Saad, Sulaiman bin Ismail, & Muhammad Marwan bin Ismail. (2021). *Istikhdām al-Jumal al-Uslūbiyyah fī Mu`ālahjah Maudū` al-Faqr: Kitāb al-Masākin li Muṣṭafā Ṣādiq al-Rāfi'iy Namūzajan*. E-Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2021. Nilai: USIM Press.

Zahiratun Najihah Binti Zahari & Abdul Mukti Bin Baharudin. (2018). *Konsep As-Sa`adah Menurut Perspektif Al-Quran*. Proceeding Of The International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2018 (Thiqah 2018) at ILIM Bangi.